

**K1M Realisasikan Program Transformasi Kerajaan Untuk Rakyat  
Bernama  
04 Mei, 2012**

GUA MUSANG, 4 Mei (Bernama) -- Komuniti 1Malaysia (K1M) yang merupakan sebuah pertubuhan sukarela, mampu untuk menjelmakan semangat gagasan 1Malaysia dan pelbagai program transformasi kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata di samping memupuk semangat kesukarelaan, K1M juga merupakan wadah untuk memperkasa semangat perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum,

"Kita masuk ke kampung-kampung, kita kenal pasti rumah mana yang kita hendak baiki untuk menjelmakan kasih sayang Perdana Menteri kita menerusi gagasan 1Malaysia dan pelbagai program transformasi.

"Kita telah membaiki tidak kurang 12 rumah dalam tempoh dua hari ini dan rumah itu kini lebih baik dari dulu," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Karnival Komuniti 1Malaysia Negeri Kelantan di padang Pusat Sivik di sini, pada Jumaat.

Majlis perasmian itu disempurnakan Perdana Menteri dengan disaksikan lebih 30,000 hadirin.

Setakat ini terdapat 1,195 K1M di seluruh negara dengan 98 daripadanya di Kelantan.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan komputer riba 1Malaysia kepada K1M Kelantan dan anugerah nilai-nilai murni bagi beberapa kategori termasuk kategori sekolah terbaik.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663762>